



# 2012

## LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
M A L A Y S I A

## **Visi**

---

Menjadi agensi peneraju dalam melantik penjawat awam yang terbaik.

## **Misi**

---

Melantik penjawat awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan berkesan.

## **Moto**

---

Mudah, Cepat dan Tepat.

# Kandungan

5

Perutusan Pengerusi

9

Ringkasan Eksekutif

15

Latar Belakang

19

Ahli-Ahli Suruhanjaya

25

Urus Setia Suruhanjaya

31

Urusan Pelantikan

65

Urusan Perkhidmatan

81

Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib

89

Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya

103

Bajet

107

Keratan Akhbar

119

Program Inovasi dan Kreativiti

141

Aktiviti Sukan dan Sosial Warga SPA

157

Penghargaan

165

Lampiran



MAHMOOD

**TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



# Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Bersyukur kita kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2012. Laporan ini akan menjadi bahan rujukan serta panduan yang merekodkan pencapaian, aktiviti serta usaha gigih setiap warga SPA baik dari Ahli Suruhanjaya sehingga ke peringkat Urus Setia sepanjang tahun 2012.

Sepanjang tahun 2012, SPA telah mengorak langkah sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang terunggul dan berwibawa baik dari segi fungsi dan peranannya sejajar dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, mahupun usaha-usaha transformasi yang telah dijalankan. Usaha transformasi yang telah, sedang dan akan diusahakan oleh pihak SPA ini adalah sejajar dengan usaha kerajaan dalam Government Transformation Programme ke arah menjayakan usaha kerajaan dalam mencapai hasrat Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Berebalkan semangat dan iltizam untuk meletakkan SPA di hadapan dan dinamik, pelbagai usaha transformasi telah dijalankan sepanjang tahun 2012 berdasarkan pendekatan Blue Ocean Strategy yang tidak melibatkan pindaan undang-undang, pertambahan peruntukan kewangan dan pertambahan jawatan. Pendekatan ini juga popular, disukai rakyat dan menghasilkan impak win-win situation. Suruhanjaya juga telah mengkaji melalui retreat yang diadakan bagi melihat kembali pelbagai dasar-dasar dan peraturan SPA yang sedia ada. Dasar-dasar yang dilihat tidak lagi relevan telah dipinda bagi memudahkan bukan sahaja kepada warga SPA tetapi juga kepada rakyat secara amnya. Dengan ini, SPA dilihat akan terus dinamik dan sentiasa peka dengan kehendak perubahan semasa ke arah merakyatkan perkhidmatan awam.

Sepanjang tahun 2012, seramai 1,085,877 calon telah mengemukakan permohonan jawatan dengan SPA. Daripada jumlah tersebut, seramai 164,727 calon telah dipanggil temu duga dan 47,335 calon telah berjaya dilantik.

Selain itu, dalam tempoh yang sama, seramai 33,547 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 31,645 pegawai diberi taraf berpencen dan seramai 98 pegawai telah merayu kenaikan pangkat. SPA juga telah memutuskan 79 kes tindakan tatatertib dan 403 kes rayuan tatatertib. Dalam tahun 2012, SPA telah mengadakan 43 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 43 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 38 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 2,710 kertas Mesyuarat Suruhanjaya.

Akhir sekali saya berharap SPA akan terus sama-sama menempa kejayaan demi kejayaan di masa-masa akan datang. Saya yakin SPA akan terus dapat mendepani cabaran yang mendatang. Saya berdoa semoga segala usaha yang kita lakukan akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. jua.

Selamat maju jaya dan salam hormat dari saya,



**TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia







**RINGKASAN  
EKSEKUTIF**

# Ibu Pejabat SPA Putrajaya





## Ringkasan Eksekutif

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144(1).

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Fasal (4) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Untuk tahun 2012, di bawah Maksud Bekalan (B05) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah diperuntukkan sebanyak RM51,617,500.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM20,220,895.00 untuk Emolumen; RM29,995,575.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; RM1,025,082.00 untuk Aset; RM335,270.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM40,678.00 untuk perbelanjaan lain. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM51,617,468.99 atau 100%.

Di bawah Maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,755,000.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,410,000.00 untuk Emolumen; RM3,860,000.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM485,000.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2012 ditutup ialah RM4,324,134.20 atau 55.76%.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	<b>Permohonan</b> □ Bilangan Permohonan Diterima	1,085,877 pemohon
2.	<b>Pengambilan</b> □ Bilangan Urusan Pengambilan	254
3.	<b>Pelantikan</b> □ Bilangan Pelantikan Tetap	36,105
	□ Bilangan Pelantikan Kontrak	11,230

BIL.	PERKARA	JUMLAH
5	Urusan Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="261 338 1257 427">□ Bilangan Pengesahan Pelantikan 23,436 pegawai</li> <li data-bbox="261 427 1257 533">□ Bilangan Pengesahan Dalam Perkhidmatan 33,547 pegawai</li> <li data-bbox="261 533 1257 629">□ Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan 2,267 pegawai</li> <li data-bbox="261 629 1257 719">□ Bilangan Pemberian Taraf Berpencen 31,645 pegawai</li> <li data-bbox="261 719 1257 815">□ Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu 12 pegawai</li> <li data-bbox="261 815 1257 913">□ Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan 14 pegawai</li> <li data-bbox="261 913 1257 1010">□ Bilangan Penamatan Perkhidmatan 191 pegawai</li> <li data-bbox="261 1010 1257 1106">□ Bilangan Pertukaran Perkhidmatan 205 pegawai</li> <li data-bbox="261 1106 1257 1202">□ Bilangan Penetapan Gaji Permulaan 1,436 pegawai</li> <li data-bbox="261 1202 1257 1299">□ Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjaman dan Pertukaran Tetap 1,195 pegawai</li> <li data-bbox="261 1299 1257 1395">□ Bilangan Pelepasan Untuk Peminjaman dan Pertukaran Pelantikan 322 pegawai</li> <li data-bbox="261 1395 1257 1491">□ Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen 123 pegawai</li> </ul>	
6	Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="261 1585 1257 1644">□ Bilangan Kenaikan Pangkat 1 kes</li> <li data-bbox="261 1644 1257 1765">□ Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat 98 kes</li> <li data-bbox="261 1765 1257 1877">□ Bilangan Tindakan Tatatertib 79 kes</li> <li data-bbox="261 1877 1257 1998">□ Bilangan Rayuan Tatatertib 403 kes</li> </ul>	

